

PT3 Praktis 9: Mengedit Kesalahan Tatabahasa dan Mengedit Kesalahan Ejaan

Buku Teks: m.s. 195, 197, 211

Bahagian B

A. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat *satu kesalahan bahasa*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis jawapan* yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Beberapa orang murid di sekolah menengah tersebut diberi hadiah atas kejayaan mereka mengharumkan nama sekolah mereka di dalam pertandingan reka cipta itu.

- (ii) Sudah sejam Azim membincangkan tentang masalah itu dengan Suresh di bilik mesyuarat pengawas sekolah.

- (iii) "Borang pendaftaran ini harus diserahkan ke pegawai yang bertugas pada hari ini," kata Encik Muizudin.

B. Dalam petikan di bawah ini, terdapat *tiga kesalahan bahasa*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis jawapan* yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Tindakan ibu bapa yang agak keras di dalam usaha mendisiplinkan anak-anak turut menjadi salah satu punca berlakunya penderaan. Ada ibu bapa yang menjatuhkan hukuman yang keterlaluan, misalnya merotan atau menampar anak-anak atas kesalahan yang mungkin tidak setimpal dengan hukuman berkenaan. Memang ada anak-anak yang nakal, tetapi kesalahan yang dilakukan itu mungkin tidak disengajakan. Sepatutnya sebagai orang tua, kita harus lebih bijaksana sebelum mengambil sebarang tindakan. Anak-anak harus diberi peluang untuk menjelaskan situasi yang sebenarnya dan kita hendaklah bersikap sebagai pendengar yang baik. Sekiranya penjelasan yang anak-anak berikan itu munasabah, mereka tidak harus kita persalahkan. Jika yang sebaliknya, janganlah pula kita terus menghukum mereka. Sebaik-baiknya, penjelasan tentang sebab mereka itu bersalah harus kita berikan lebih dahulu. Sesudah itu, tegurlah dan nasihatilah mereka agar kesalahan yang sama itu tidak mengulang. Jika sikap dan tindakan yang sebegini dapat kita amalkan, penderaan pasti tidak berlaku.

- (i) _____ (iii) _____

- (ii) _____

C. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat *satu kesalahan ejaan*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis ejaan* yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Buluh berpotensi besar untuk dijadikan sebagai bahan alternatif bagi industri pembuatan perabut.

- (ii) Orang ramai dipelawa untuk menjadi agen pemasaran produk kecantikan dan kesihatan keluaran syarikat berkenaan.

- (iii) Semua pihak wajar menggembeling tenaga dan bekerjasama dengan pihak polis untuk membanteras gejala penagihan dadah.
